

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BT MOHD ALI
DI MAJLIS MAKAN MALAM BAM
DI HOTEL PAN PACIFIC, KUALA LUMPUR
PADA HARI ISNIN, 30 JUN 1997
PUKUL 8.30 MALAM

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemain-pemain dan pasukan kita di atas prestasi dan pencapaian mereka yang baik dan menggalakkan di Kejohanan Piala Sudirman pada bulan Mei lalu di mana kita layak dinaikkan taraf ke Divisyen Satu. Saya juga mengucapkan syabas BAM kepada Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock di atas kejayaan sebagai naib juara Bergu Lelaki di Kejohanan Piala Dunia baru-baru ini. Saya juga berpuashati dan gembira kerana pemain-pemain wanita kita juga telah menunjukkan peningkatan dan potensi yang baik dan juga Saudara Morten Frost yang baru berada di sini selama empat bulan telah menunjukkan tanda-tanda keberkesanan latihannya.

2. Saya difahamkan bahawa BAM mempunyai objektif untuk membawa semula kejayaan atau 'glory' dunia badminton untuk negara dan kita semua. Dalam tempoh jangka pendek ke arah temasya Sukan Komanwel 1998, BAM diharapkan akan dapat memenangi sekurang-kurangnya empat pingat emas. Dengan kemajuan yang ditunjukkan oleh pemain-pemain wanita kita, ada kemungkinan pasukan badminton kita akan dapat mencapai lebih daripada sasaran itu.

3. Sehubungan dengan perkara tersebut, BAM telah mengemukakan 'bid' kepada IBF untuk menganjurkan Kejohanan Piala Thomas/Uber pada tahun 2000 dan Kejohanan Dunia pada tahun 2001. Kita semua seharusnya lebih bersungguh-sungguh dalam usaha kita untuk memenangi kembali Piala Thomas dan juga sebarang kejuaraan bertaraf dunia pada masa-masa yang akan datang.

4. Saya yakin kita boleh mencapai matlamat tersebut sekiranya kita bekerjasama rapat di antara kita dan berusaha dengan penuh komited dan dedikasi. Pemain-pemain perlu menerima bitnbingan dan latihan daripada jurulatih-jurulatih dan mendisiplinkan diri untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian diri dan pasukan. Kita pernah pencapai kejayaan dahulu dan boleh mengulangi kejayaan tersebut pada masa yang akan datang.

5. Selain meningkatkan sikap individu, pemain-pemain harus bermain dan berlatih secara berpasukan, sebagai satu team, kerana dengan perasaan bahawa setiap ahli dalam team itu penting untuk mencapai kejayaan sahajalah akan setiap pemain berusaha dengan lebih cergas dan keras lagi.

6. The attitude of esprit de corps and team spirit is very essential for players to take stock of their attitudes and evaluate their performance, if success is to be achieved. Commitment, dedication and self discipline are requirements for all players. Coaches will be examples of professional skills and guidance which players look up to. So they too have to be watchful.

7. BAM have set its rules and we are extremely happy that our national team, back-ups and juniors, men and women, honour our rules now. BAM and I do not tolerate breaking of rules and indisciplined players.

8. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kami di BAM kepada semua penaja yang menyokong dan menyumbang kepada usaha kami selama ini; khususnya kepada Proton dan EON, dan pada malam ini kepada Hap Seng Corporation dan syarikat-syarikat bersekutu kerana bersetuju menjadi penaja kepada program-program BAM. Semoga syarikat korporat yang lain akan turut menyokong usaha-usaha kami di BAM.

9. Akhir kata, saya ingin menyatakan bahawa saya sentias mengikuti perkembangan Sukan Badminton negara dan mempunyai keyakinan bahawa kita boleh menjadi juara dunia sekali lagi. Ke arah tujuan tersebut, semua pihak seharusnya memainkan peranan mereka dengan berkesan dan efisien.
